

SUATU PERTIMBANGAN KRITIS SUDUT KEPIMPINAN: REMBAU DALAM DILEMA PEMBANGUNAN MASA KINI

Shamsul A.B.

Apa yang temukil dalam kertas ringkas ini adalah suatu pandangan atau lebih tepat lagi suatu pertimbangan kritis tentang pembangunan total di Rembau yang tercinta. Pertimbangan ini bermula dari masa kini: Rembau kini yang dibuai kemelut, Rembau kini yang tersangkar dalam suatu dilema besar. Dari ruang masa kini kita akan terus menerobos ke ruang masa lepas untuk meletakkan Rembau masa kini dalam ruang sejarahnya yang sebenar. Barulah kemudiannya kita dapat melihat Rembau masa depan dengan lebih terang; tanpa bertelek nujum bijaksana, tanpa dipandu gambar foto satelit yang berlegar di cakrawala.

Walaupun bagaimana pun kertas ini tidak menjanjikan bulan dan bintang, tidak juga menjanjikan hutan yang digondol akan kembali tumbuh, tidak berjanji untuk menjernihkan semula air sungai yang sudah keruh, serta tidak juga menjanjikan padi kembali menguning emas dan ikan keli berenang-renang di sawah yang kini retak kering-kontang, kerana saya bukan ahli silap mata bergelar 'pakar', bukan juga nujum Pak Belalang bernama "konsultan". Saya tak ada laporan tebal berat bertan-tan, tak juga ada syarikat "saudagar buluh kasap" perniagaan habis hutang tak lesap.

Yang ada pada saya hanyalah pengalaman menimba ilmu dari rakyat desa selama 18 tahun, suatu pengalaman yang cukup menginsafkan, dan juga pengalaman berdialog dengan rakyat kota serta desa di 10 buah negara di empat benua, atas undangan mereka. Bak kata perbilangan "jauh perjalanan, banyak pengalaman", "pandai kerana selalu membuat, tahu kerana selalu melihat".

Dengan pembuka ucap ini, saya selanjutnya akan menyampaikan pertimbangan dhaif saya tentang pembangunan di Rembau; pertama, semata-mata bertujuan untuk riadah minda, dan kedua, insyaallah, semoga tercetus pula nanti pelbagai idea kreatif guna mengembalikan kegemilangan semalam di

Rembau, kalau tidak dari generasi sekarang mungkin dari generasi muka. Sudut yang ingin saya beratkan adalah sudut kepimimpinannya kerana saya beranggapan kelompok pemimpin Rembau banyak bertanggung jawab tentang masa lepas, masa kini, dan masa depan pembangunan wilayah ini, sama ada secara langsung atau tidak. Pengaruh tindakan mereka meninggalkan kesan yang cukup lama, seperti gelombang yang merubah pantai. Pengaruh rakyat yang dipimpin cuma seperti riak-riak kecil yang pecah di kolam yang tenang, mengindahkan bukan mengganggu.

Dilema Pembangunan Rembau Masa Kini

Pakar ekonomi bersabda, "Rembau kini dirundung tiga masalah besar: pertama, masalah kedudukannya; kedua, masalah kependudukannya; dan ketiga, masalah rendahnya kadar pembandarannya". Mari kita teliti ini satu persatu.

Masalah kedudukan: Dengan wujudnya rangkaian jalan raya baru yang menyambung terus kota-kota di sekitar Rembau, seperti Seremban dan Kuala Lumpur di utara dan Alor Gajah serta Melaka di selatan, telah menimbulkan keadaan untung-rugi pada Rembau. Untungnya kerana membuka laluan yang lebih luas untuk orang luar datang melabur di Rembau dan lebih mudah bagi mereka yang bermastautin di Rembau bekerja di luar tetapi berulang ke tempat kerja di luar. Ruginya, kemungkinan orang berhenti serta menziarah Rembau makin kecil kerana adanya lebuh raya. Lagipun rendahnya kadar pembandaran di Rembau tidak menggalakkan pelabur singgah, lebih baik dan lagi murah untuk mereka terus ke Melaka.

Masalah rendahnya kadar pembandaran: Kegiatan bersandarkan bandar cukup kecil di Rembau, seperti terbukti melesetnya reaksi para pelabur terhadap kawasan tapak industri Chembong, biarpun Rembau terletak di Ruang Termaju Utara-Selatan pantai barat Semenanjung Malaysia, kurangnya kemudahan perumahan, infrastruktur, perdagangan dan khidmat tidak dapat meliurkan para pelabur, biarpun ada lebuh raya utara-selatan. Keadaan ini berhubung-kait pula dengan kurangnya tawaran tenaga buruh akibat penghijrahan keluar secara besar-besaran mereka yang berpotensi bekerja di kawasan industri ini. Sebahagian daripada kuasa tarikan kepada peniaga-peniaga dalam industri khidmat serta sektor perdagangan adalah saiz kependudukan tempatan yang bakal menjadi pelanggan kepada mereka. Sayangnya, *critical mass* ini tidak ada di Rembau kerana masalah kependudukan yang dihadapinya.

Masalah kependudukan: Bilangan penduduk Rembau telah semakin

berkurangan dalam tempoh 20 tahun lalu: pada 1970 adalah sebanyak 39,806 orang, pada 1980 turun ke 36,300 orang, dan pada 1989 lalu dianggarkan tinggal 34,000 orang. Yang paling genting adalah kesan penghijrahan tenaga kerja muda yang amat diperlukan untuk membina Rembau. Jadi yang ramai tinggal di Rembau kini adalah mereka yang berumur antara 50-65 tahun dan 0-19 tahun. Kumpulan berumur antara 20-49, iaitu kelompok yang paling produktif dari segi ekonomi, adalah terlalu kecil bilangannya yang bermastautin di Rembau kini untuk memberikan apa-apa impak yang bermakna kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Katakanlah kita menerima telahan-telahan ahli-ahli ekonomi ini, apakah punca yang menyebabkan masalah-masalah ini timbul? Apakah ini masalah-masalah baru atau masalah lama berulang kembali? Ini tidak pernah dijawab terlebih dahulu.

Sedang para doktor apabila hendak mengubat seseorang pesakit, perkara yang pertama ditanyakan kepada pesakit semestinya berhubung dengan sejarah pesakit dan penyakit, berbunyi seperti berikut: "berapa lama dah sakit", "pernah sakit seperti ini dulu?", "kalau pernah, berapa kali dan bila?", "jumpa doktor mana?", "apa ubat yang dimakan dulu?", dan sebagainya. Dengan itu saya mengajak anda menjenguk ruang masa lepas dalam mana sejarah Rembau sudah terpahat, dengan memerhati tindak-tanduk kepemimpinannya.

Pembangunan Rembau masa lepas

Pembangunan Rembau masa lepas boleh dibahagikan kepada tiga: sebelum penjajah datang, semasa penjajah memerintah, selepas merdeka. Untuk membicarakan dengan terperinci setiap tahap sejarah ini, saya memerlukan setidaknya-tidaknya 3,000 halaman dalam tiga jilid, paling minima 15 tahun kajilidikan, menjelajah ke Portugis, Belanda, dan Inggeris menggali bahan selepas menguasai bahasa ketiga-tiga negara tersebut, dan lima juta dolar Amerika Syarikat untuk meliputi segala perbelanjaan untuk tempoh minima selama 15 tahun tadi.

Pastinya ini tidak dapat saya lakukan sekarang. Dan mungkin ini adalah misi Persatuan Sejarah Rembau selepas ini. Justeru itu Persatuan ini tidak perlu menunggu 600 tahun lagi, hanya 15 tahun. Oleh yang demikian berikut ini saya akan hanya melakarkan pola-pola perubahan ekonomi politik dalam ketiga-tiga era tadi. Sambil itu melihat kedinamikan pertembungan pelbagai faktor yang mengukir sejarah serta proses pembangunan Rembau sepanjang zaman.

Sebelum penjajah bertapak, Rembau telah membangun pesat. Tiga

"pemain utama" dalam drama tiga-segi pembangunan ketika itu adalah elit tradisional Melayu Rembau, pedagang Eropah (mula-mula Belanda dan kemudiannya British), dan pengusaha Cina yang bermarkas di Melaka. Dua komoditi utama yang menjadi tunjang pembangunan serta habuan ketiga-tiga kelompok ini, secara langsung dan tidak langsung, adalah bijih timah dan ubi kayu; pengusaha Cina meraih untung daripada hasil bijih, ladang ubi kayu, dan perniagaan bahan-bahan pembinaan, makanan, babi dan candu; saudagar British hanya berminat memperoleh bijih dan berniaga senjata; elit Melayu meraih untung dengan cara mengenakan tol (ternyata telah mendahului Samy Vellu beberapa abad) di Sungai Rembau dan Sungai Linggi dan mengenakan juga berbagai-bagai bentuk cukai yang lain untuk membeli kemewahan kebendaan, senjata, serta kekuasaan. Rakyat terbanyak Rembau terlibat dalam kegiatan ekonomi pinggir; berdagang hasil rimba, buah-buahan, dan bahan makanan selainnya.

Jangan pula kita salah sangka bahawa setiap kumpulan Melayu, Cina dan Eropah tadi seragam, seperiği sepermandian, sela-sekata, akrab mesra. Di sebaliknya, setiap kumpulan itu ada pecah-pecahannya: China dengan kumpulan samsengnya, Eropah pula antara para pedagang dan pemerintah, yang Melayu sesama orang besar dan suku-sakat masing-masing atas dasar PHD (Penyakit Hasad Dengki) dan mahu terus senang-lenang.

Biarpun perut bumi Rembau tak sekaya Sungai Ujong, yang buncit dengan bijih timah, namun segala hasil yang diperoleh dari kawasan ini dan kawasan lain mesti di bawa ke Melaka melalui Sg. Rembau dan Sg. Linggi. Maka Rembau terletak di tempat yang cukup strategik; terutamanya dari segi kepentingan elit Melayunya. Ini juga menjadi punca perbalahan: antara sesama elit Rembau dan antara elit Rembau dengan elit Melayu kawasan sekitaran. Pertentangan kepentingan dalam setiap kumpulan dan antara kumpulan tersebut sering pula mencetuskan perbalahan terbuka, malah pertumpahan darah. Ketidak tenteraman ini mengganggu-gugat kelancaran eksploitasi ekonomi setempat untuk kepentingan perkembangan ekonomi industri di Britain khasnya dan keseluruh Eropah amnya. Penjajahan militer dan menegakan pentadbiran kolonial tidak dapat ditahan-tahan lagi. Perpecahan elit tradisional Melayu memudahkan hal ini dilaksanakan.

Semasa penjajahan British, pola hubungan serta dinamika kontek antara ketiga-tiga kelompok tadi tidak banyak berubah kecuali dari segi tiga. Pertama, pihak Eropah, yakni British, memegang teraju kepemimpinan, mentadbir, mengutip semua cukai, mencatur sistem pengagihan kuasa dan ekonomi,

berdasarkan undang-undang ciptaan British, yang asing sekali daripada kebiasaan rakyat pribumi. Kedua, kelompok elit Melayu terus diangkat sebagai pimpinan simbolik yang didukung British semata-mata untuk kepentingannya. Ketiga, kelompok Cina semakin bebas bergerak untuk memenuhi kepentingan ekonomi mereka dengan dilindungi oleh British.

Daripada kalangan elit Melayu muncullah suatu kumpulan baru, kelompok elit tadbir, yang moden pandangan dunianya dan cukup sekular pendiriannya, Melayu kulitnya British jiwanya, tak ubah seperti pemimpin pribumi sekular di Afrika ketika itu yang digelar oleh Frantz Fanon, dalam bukunya *Wretched of the Earth* (1963), sebagai "black skin, white masks", Ini menambah kompleksiti suasana politik dan ekonomi di Rembau.

Rembau beruntung pada ketika itu mempunyai seorang Undang, Dato' Sedia Raja Abdullah Haji Dahan (1922-1938), yang mewakili dua tradisi kepemimpinan Melayu bukan sahaja di Rembau bahkan di seluruh Negeri Sembilan: arif tentang adat dan adab, bijak tentang sains dan pentadbiran. Beliau boleh dianggap sebagai manusia *renaissance* yang pertama dan mungkin juga terakhir di Rembau dan juga merupakan reformis sosial terpenting pernah lahir di bumi Rembau.

Kerana selepas itu, kekuatan Undang Dato' Haji Ipap (1938-1962) telah dibataskan oleh British, juga oleh suasana ekonomi dan politik, untuk hanya menjurus ke bidang pimpinan tradisional, khususnya segala yang bersangkutan dengan adat Perpatih. Dalam masa yang sama elit adat sebagai suatu kelompok semakin menonjol akibat beberapa perbalahan serta kontroversi di Rembau semasa penjajahan.

Kemunculan parti politik melahirkan sekumpulan elit baru yang kemudiannya mula bertaring setelah terasasnya sistem pilihan raya umum pada 1955. Maka semasa penjajahan memerintah tiga kumpulan elit Melayu berfungsi di Rembau: elit tradisional (termasuk ketua adat serta ketua agama), elit tadbir (pegawai kerajaan, guru, kerani, dsb.), dan elit politik (wakil rakyat, pemimpin politik tempatan yang berjawatan kerajaan dan yang bukan). Walaupun keanggotaan dalam ketiga-tiga kumpulan ini bertindan lapis, namun perbalahan antara kelompok ini tidak dapat dielakkan, seperti disaksikan dalam "kontroversi adat 1951".

Pembangunan Rembau terus berjalan dengan getah mengambil alih ubi kayu dan bijih sebagai punca ekonomi utama di samping padi. Tetapi perbalahan

sesama pemimpin serta elit Melayu tetap berterusan. Dalam pada itu peniaga Cina dan pengusaha British terus meraih apa yang dapat dari Rembau. Kekuatan ekonomi pimpinan Melayu menurun dengan kurangnya penggunaan sungai sebagai salur pengangkutan, setelah kereta api dan jalan raya diperkenalkan. Pendidikan moden telah mula menjadi faktor penolak yang mendorong anak muda Rembau merantau ke Singapura dan kemana-mana lagi memperdagang tenaga.

Selepas merdeka pola ini tidak banyak berubah; sama ada pola pimpinan, pola ekonomi, maupun pola hubungan antara golongan elit Melayu. Cuma kini kelompok pemimpin politik dan pemimpin tadbir kian meningkat status dan kuasa kerana mereka telah mengambil-alih apa yang ditinggalkan oleh British. Hampir kesemua aspek kehidupan Melayu Rembau, malah Melayu di mana-mana pun, telah dipolitikkan; dari paip air sampailah ke empangan air.

Penghijarahan keluar anak muda Rembau yang berkelulusan berterusan. Rembau tidak juga dapat membina industrinya sendiri biarpun orang asing diundang untuk melabur. Kemudahan infrastruktur yang tersedia tetap paling minima.

Perebutan habuan kebendaan menjadi perebutan kuasa politik, yang mencaturkan pengagihan habuan pembangunan. Ketika itu elit Melayu menjadi pemancing berumpukan janji, dan rakyat Melayu menjadi ikannya yang kebanyakannya tak kenal umpan. Faktor utama yang membikin mereka masih mahu bersabar dan bermesyuarah antara sesama mereka adalah kerana wujudnya apa yang dianggap sebagai "musuh bersama", khususnya bangsa asing, yang terjelma jelas dalam bentuk parti pembangkang dan juga parti komponen Perikatan. Tetapi semua ini berubah sama sekali dalam era Dasar Ekonomi Baru (1971-1990). Apakah pula pola pembangunan dalam era tersebut?

Era Dasar Ekonomi Baru

Era DEB benar-benar era dominan politik Melayu yang pula tumpah pengaruhnya ke ruang ekonomi. Oleh sebab kekuasaan politik Melayu sudah terjamin, fokus perbalahan pada awalnya itu tidak boleh dielakkan telah muncul, seperti bisul besar, dalam arena ekonomi serta kebendaan. Apabila perbalahan ini tidak terselesai dalam arena ekonomi (sayangnya tidak ada hakim dalam gelanggang ini, seperti dalam program tv popular *wrestling champion*, yang menurut suatu survey amat digemari oleh penonton Melayu) beralih kembali ke arena politik.

Rembau dan kepemimpinannya tidak terlepas daripada krisis besar kepe-

mimpinan Melayu yang sudah bergolak selama hampir lima tahun kini. Tidak boleh tidak, ini juga menjejaskan proses pembangunannya. Kerana di Malaysia setiap kemudahan pembangunan ada markah serta nilai politiknya. Perhitungan ini ada sifirnya dan kadang-kadang sukar mahu ditahu. Malah bekas politikus pemerintah sendiri pun ramai yang tidak jelas akan selok-belok percaturan ini kerana leka memetik 'hasil buah-buahan di dusun pembangunan' untuk habuan diri masing-masing. Oleh itu, pemberian 'kerana Allah' jarang-jarang sekali berlaku dalam konteks politik desa Malaysia. Politik 'ada timun, ada batas' ini sudah lama bertapak, dan kini semakin kuat malah dijadikan prinsip utama berpolitik.

Meninjau Kembali Dilema Pembangunan Rembau

Kalau kita tinjau kembali tiga masalah besar Rembau, seperti yang diuraikan oleh ahli ekonomi tadi, kita dapati masalah-masalah tersebut bukan masalah baru. Dalam era prakolonial, kolonial, dan selepas kolonial tetap mencirikan kehidupan sosial serta pembangunan di Rembau. Dalam kata lain, drama yang terpentas sama tema dan plotnya, cuma yang berbeda pelakornya, pakaiannya, tirainya, lukisan layar hiasannya, dan cara penggunaan serta teknik lampunya.

Ertinya pembangunan di Rembau sudah sememangnya tersangkar dalam suatu putaran ganas yang tidak mudah dijinakkan semenjak abad berabad. Soalnya sekarang ini ditambah rumitkan lagi oleh krisis kepemimpinan Melayu yang membakar hangat pada masa kini. Maka banyak waktu habis terbuang dan tenaga habis kempis disedut puaka yang menghantui krisis ini.

Pengagihan habuan pembangunan cukup dicatur rapi supaya tidak jatuh ke tangan yang tidak diingini. Lalu tiga masalah besar Rembau tadi tinggal tertulis dalam buku-buku laporan tetapi belum pasti dicari penyelesaian konkrit. Kalau krisis tidak selesai, bagaimana pula dilema pembangunan ini boleh diselesaikan.

Rembau, seperti banyak daerah lain di Malaysia sekarang, terperangkap dalam keadaan yang sama; gerhana politik yang entah bila akan cerah kembali.